

8536

MAHATHIR - BANK R'R'R'R'

1982

KUALA LUMPUR, 5 JULAI (BERNAMA)-- BANK ISLAM YANG DICADANGKAN DITUBUHKAN DI NEGARA INI ADALAH JUGA TERBUKA KEPADA PARA PENYIMPAN BUKAN ISLAM DENGAN SYARAT MEREKA BERSETUJU DENGAN SISTEM ISLAM TIDAK MENGAMALKAN RIBA, KATA DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA ANGGOTA PENGURUSAN DAN KAKITANGAN BANK ITU JUGA BOLEH DIAMBIL DARIPADA KALANGAN BUKAN ISLAM ASALKAN MEREKA MEMATUHI PRINSIP YANG DITETAPKAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGULANGI BAHAWA BANK ITU, YANG DIJANGKA DITUBUHKAN SELEWAT-LEWATNYA AWAL TAHUN DEPAN, AKAN DIMILIKI SERATUS PERATUS OLEH ORANG ISLAM.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA LAPORAN MENGENAI PENUBUHAN BANK ISLAM YANG DIBEDIAKAN OLEH SEBUAH JAWATANKUASA PEMANDU KEBANGSAAN BANK TERSEBUT DI PEJABATNYA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

JAWATANKUASA ITU YANG DIPENGERUSIKAN OLEH PENASIHAT KHAS EKONOMI KERAJAAN, TAN SRI RAJA MOHAR BADIOZAMAN TELAH MENYIAPKAN LAPORAN LENGKAP YANG ANTARA LAIN, MEMPERAKUKAN BAHAWA BANK ISLAM ITU AKAN MENJALANKAN KEGIATAN SEPERTI LAIN-LAIN BANK TANPA MENGENAKAN RIBA. --LAGI 1437/AH

8537

MAHATHIR - BANK 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BANK ITU, YANG AKAN BERTEMPAT DI BANGUNAN PERNAS DI BANDARAYA INI, AKAN MENJALANKAN PERNIAGAAN SEPERTI BANK-BANK ISLAM YANG DITUBUHKAN DI SELURUH DUNIA DAN MUNGKIN MENGADAKAN PERHUBUNGAN DENGAN BANK-BANK TERSEBUT DI MASA DEPAN.

BAGAIMANAPUN, BUAT PERMULAAN, HANYA SEBUAH SAHAJA BANK ISLAM AKAN DIBENAR DITUBUHKAN DI NEGARA INI DAN SAHAMNYA AKAN DIPEGANG OLEH KERAJAAN PUSAT DAN BADAN-BADAN KERAJAAN YANG LAIN.

APABILA BANK ITU BERJALAN DENGAN BAIK, KERAJAAN AKAN MEMPELAWA ORANG RAMAI UNTUK MEMEGANG SAHAM DIDALAMNYA.

+SUNGGUHPUN CAWANGAN-CAWANGAN BANK ISLAM AKAN DITUBUHKAN DI SELURUH NEGARA, KERAJAAN BUAT SEMENTARA WAKTU TIDAK MEMBENARKAN BANK ISLAM LAIN DITUBUHKAN UNTUK MENGESAN SEGALA KELEMAHAN JIKA ADA BAGI DIBETULKAN.+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR.MAHATHIR MENJELASKAN BAGI PENUBUHAN BANK TERSEBUT, SEBUAH RANG UNDANG-UNDANG BARU DAN EMPAT PINDAAN KEPADA RANG UNDANG-UNDANG YANG SEDIA ADA AKAN DIBENTANGKAN DALAM SIDANG PARLIMEN MENGENAI BELANJAWAN NEGARA YANG AKAN DIADAKAN DALAM BULAN OGOS-OKTOBER INI. -- LAGI 1442/AH
PARA AKHIR HARAP BACA...YANG SEDIA ADA AKAN DIBENTANGKAN.....

MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR S'S'S'

RANG UNDANG-UNDANG ITU IALAH AKTA BANK ISLAM, PINDAAN KEPADA AKTA SYARIKAT 1965, AKTA BANK 1977, AKTA SYARIKAT KEWANGAN 1969 DAN ORDINAN BANK PUSAT MALAYSIA 1958.

DATUK SERI DR.MAHATHIR MENAMBAH DI SAMPING ITU SATU RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN AKAN DIBENTANGKAN UNTUK MEMBOLEHKAN BANK ISLAM MELABUR DALAM BON KERAJAAN.

KATANYA, KESEMUA RANG UNDANG-UNDANG ITU AKAN DIBENTANGKAN DALAM SATU PERSIDANGAN SEKALIGUS DENGAN BACAAN KALI PERTAMA DIBUAT DI PERMULAAN SIDANG DAN DIJANGKA DILULUSKAN DALAM TIGA PERINGKAT MENJELANG Hujung PERSIDANGAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENGUMUMKAN PERLANTIKAN DR.ABDUL HALIM ISMAIL DARI BANK BUMIPUTERA SEBAGAI BAKAL PENGARAH URUSAN BANK TERSEBUT.

BELIAU AKAN BERTANGGUNGJAWAB MEMBUAT PERSEDIAAN BAGI PENUBUHAN BANK ITU YANG AKAN MEMULAKAN OPERASI SEBAIK SAHAJA RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI PENUBUHANNYA DILULUSKAN.--LAGI 1450/AH

B539

MAHATHIR - BANK 4 KUALA LUMPUR S'S'S'

BANK TERSEBUT MEMPUNYAI MODAL DIBENARKAN SEBANYAK \$500 JUTA DAN MODAL DIBAYAR \$100 JUTA.

JUMLAH SAHAM YANG AKAN DIPEGANG OLEH KERAJAAN PUSAT IALAH 30 PERATUS, LUTH 10 PERATUS, PERKIM LIMA PERATUS, MAJLIS-MAJLIS AGAMA NEGERI 25 PERATUS, PERBADANAN AGAMA NEGERI-NEGERI SEPERTI BAITUL MAL PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI ISLAM DAN YAYASAN ISLAM NEGERI 10 PERATUS, PERBADANAN PERINGKAT PUSAT TERMASUK FELDA DAN LEMBAGA ANGKATAN TENTERA 10 PERATUS DAN BADAN-BADAN LAIN YANG LAYAK 10 PERATUS.

MENGENAI SISTEM PASARAN BANK ITU, DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA IA AKAN BERGANTUNG KEPADA SIMPANAN YANG DIBUAT OLEH BADAN-BADAN ISLAM DAN ORANG-ORANG ISLAM TERUTAMA MEREKA YANG KINI TIDAK MEMBUAT CARUMAN KERANA TAKUTKAN RIBA DI BANK-BANK YANG ADA SEKARANG.

BELIAU MENEGASKAN IA TIDAK AKAN MENGHALANG ATAU MENJEJASKAN KEGIATAN BANK LAIN MALAH BANK ISLAM ITU DIBENARKAN BEKERJASAMA ATAU BERTERKAIT DENGAN MEREKA.

BANK ISLAM ITU JUGA DILETAKKAN DI BAWAH JAGAAN BANK NEGARA, TAMBAH BELIAU.--BERNAMA 1505/AH